

Newspaper	Berita Harian
Date	28/3/2013

BERNAMA ada lapor cubaan bunuh Dr M

BH - 28/3/2013

Kuala Lumpur: Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) pada 1984 pernah melaporkan mengenai kumpulan ekstremis PAS, yang diwujudkan untuk membunuh Perdana Menteri ketika itu Tun Dr Mahathir Mohamad, kata Pengerusi BERNAMA, Datuk Abdul Rahman Sulaiman.

Abdul Rahman yang bertugas sebagai Pengarang Perkhidmatan Berita Dalam Negeri BERNAMA ketika laporan itu disiarkan berkata, maklumat bagi penghasilan laporan khas 11 September 1984 nukilan wartawan BERNAMA itu diperoleh daripada sumber risikan agensi berita itu sendiri.

"BERNAMA dapat mengesan ancaman terhadap Dr Mahathir itu lebih awal daripada pembunuhan yang dirancang ingin dilakukan pada 1988," katanya kepada BERNAMA, di sini, semalam.

Isnin lalu, bekas anggota PAS seumur hidup, Zainon Ismail yang juga penulis buku *Kafirkah Aku?* dilaporkan berhasrat menemui Dr Mahathir untuk meminta maaf kerana merancang membunuh bekas perdana menteri itu pada 1988.

BERNAMA dalam laporan lain pada 14 September 1984 menyiarkan reaksi Dr Mahathir terhadap ancaman itu, yang beliau sudah mendapat tahu ura-ura PAS menubuhkan kumpulan membunuh pemimpin UMNO, namun menegaskan tidak mempunyai bukti mengenai perkara itu.

BERNAMA